

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan yang dihadapi di Hospital Sultanah Bahiyah akibat pertambahan jumlah pesakit yang ingin mendapatkan rawatan kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar mempunyai kerjasama secara *networking* dengan Hospital Jitra. Pakar-pakar dari Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar memberi perkhidmatan pesakit dalam serta menjalankan prosedur dan pembedahan tertentu di Hospital Jitra bagi mengurangkan kesesakan dan permintaan katil di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar. Ini secara tidak langsung meningkatkan akses perkhidmatan kepakaran kepada penduduk sekitar.

Hospital Sultanah Bahiyah juga merupakan salah satu hospital yang terpilih untuk menjalankan inisiatif *Lean Healthcare* bagi mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Wad Perubatan. Inisiatif ini meningkatkan efisiensi dalam proses kerja melalui kaedah mengurangkan atau membuang proses kerja yang tidak memberi *value* kepada pesakit. Pada masa ini Hospital Sultanah Bahiyah sudah memasuki fasa kedua inisiatif tersebut dimana pihak hospital perlu memantau sendiri keberkesanan langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil dan menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan lagi pencapaian projek.